



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Emel* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**03 September 2019**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,  
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT  
SULONG  
BERHUBUNG  
PROSIDING PEMBANGUNAN *AIR MOBILITY* SERTA  
PROSIDING PROJEK SISTEM KUTIPAN SISTEM CUKAI JALAN  
DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, mengadakan dua prosiding membabitkan isu pembangunan *Air Mobility* dan projek Sistem Kutipan Cukai Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT).
- 2) Dalam prosiding pembangunan *Air Mobility*, PAC Parlimen mendengar keterangan dan penjelasan daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad; Presiden dan Ketua Eksekutif *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) Datuk Dr Mohd Yusoff Sulaiman, dan Pengarah Urusan VentureTech Sdn Bhd, Dr Norida Abdul Rahman.

- 3) Prosiding berkenaan adalah prosiding ketiga membabitkan isu pembangunan *Air Mobility* selepas PAC Parlimen mendengar penjelasan dan keterangan daripada Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof pada 14 Mei 2019 serta prosiding kedua yang membabitkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta JPM pada 19 Jun 2019.
- 4) Dalam prosiding itu, PAC Parlimen dimaklumkan oleh VentureTech Sdn Bhd, yang juga syarikat pelaburan MIGHT mengenai pelaburan mereka dalam sektor *Air Mobility* di negara ini.
- 5) Manakala, dalam prosiding kedua pula membabitkan projek Sistem Kutipan Cukai Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP), PAC Parlimen mendengar penjelasan serta keterangan daripada Datuk Seri Wee Jeck Seng, bekas pemegang saham syarikat TCSens Sdn Bhd yang menerima kontrak bagi melaksanakan sistem berkenaan yang berjumlah kira-kira RM150 juta secara rundingan terus.
- 6) Isu ini, dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 dan PAC Parlimen sudah menjalankan tiga prosiding sebelum ini dengan memanggil Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman pada 20 Februari 2019.

- 7) Pada 27 Mac 2019 pula, PAC Parlimen mendengar penjelasan dan keterangan daripada mantan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan pada 3 April 2019, Jawatankuasa ini mendengar penjelasan dan keterangan daripada Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar yang pernah menjawat jawatan sebagai KSU Kementerian Pengangkutan pada 18 November 2014 hingga 15 Disember 2015.
- 8) PAC Parlimen akan mengadakan mesyuarat penyediaan laporan bagi kedua-dua laporan ini, bagi memuktamadkan rumusan serta syor bagi kedua-dua laporan ini, sebelum dibentangkan ke Parlimen.
- 9) Kedua-dua laporan PAC Parlimen ini, dijangka dapat dibentangkan ke Parlimen dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua 2019 yang bermula mulai 7 Oktober 2019 hingga 5 Disember 2019.

Sekian Terima Kasih

Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini Ahmad  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)  
Parlimen Malaysia